

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 22 April, 2019 4:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ambil Nilai Maqasid Syariah Dalam Konsep 'Live Green'



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

22 APRIL 2019 / 16 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

AMBIL NILAI MAQASID SYARIAH DALAM KONSEP 'LIVE GREEN'



UUM ONLINE: Warga Universiti Utara Malaysia (UUM) diingatkan untuk mengambil nilai-nilai Maqasid Syariah untuk diterapkan dalam konsep 'Live Green' dan 'Living Campus'.

Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Dato' Ahmad Kasim berkata, terdapat lima (5) prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang menjadi nadi kepada konsep 'Live Green' dan 'Living Campus' dalam aspek kehidupan dan pembelajaran kampus lestari.

Menurutnya, beliau percaya melalui pendedahan konsep itu, warga universiti terutamanya pelajar akan dilahirkan dengan kemahiran insaniah atau *soft-skill* yang tinggi.

Katanya, warga kampus akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang berteraskan Maqasid Syariah sebagai usaha menjadi warga universiti yang peka dan proaktif terhadap alam sekitar.

"Program ini juga memberi peluang kepada semua untuk menyantuni alam sekitar dan menjaga khazanah yang dicipta Allah supaya dapat dinikmati generasi akan datang.

"Ini juga merupakan satu motivasi dan inspirasi kepada kita semua untuk terus berusaha menjadi seorang yang sentiasa ke arah kelestarian dan prihatin kepada alam sekitar," katanya pada Majlis Pra-Pelancaran Kesedaran Hijau dan Pembangunan Lestari di Foyer Canselor, pagi tadi.

Beliau berkata, program itu juga mampu menjadi saluran kepada warga universiti untuk mencintai persekitaran hijau, malah beliau mahu kegiatan untuk melestarikan alam sekitar dalam kampus dapat digiatkan lagi dan diwajibkan dalam aktiviti kokurikulum pelajar.

Katanya, UUM layak menjadi model bukan sahaja di peringkat nasional, malah antarabangsa dalam mempromosikan konsep 'Living Campus' kerana universiti ini bukan sekadar menjadi tempat untuk belajar dan bekerja, malah hidup dalam suasana penuh kelestarian dan kehijauan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, program Kesedaran Hijau dan Pembangunan Lestari UUM adalah satu inisiatif bertujuan menambahbaik keberkesanan penggunaan tenaga, memelihara sumber dan mempertingkatkan kualiti persekitaran.

Menurutnya, mengambil tagline 'Live Green', UUM sebagai gedung ilmu perlu sentiasa 'Live Green' namun untuk sentiasa 'Live Green' bukan perkara mudah kerana teknologi hijau semata-mata tidak mencukupi, sebaliknya nilai kelestarian dalam komuniti universiti serta komuniti setempat juga diperlukan.

Katanya, UUM akan terus melaksanakan inisiatif strategik melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan sistem kualiti berteraskan alam sekitar.

"UUM adalah pemangkin utama untuk usaha ini dan keperluan untuk mendidik masyarakat serta seruan meluas bagi pembangunan lestari membolehkan universiti memikul tanggungjawab asas dan moral dalam menyumbang kepada pembangunan lestari dan membimbing masyarakat ke arah masa depan yang lestari.

"Pelaksanaan pembangunan UUM 'Live Green' akan bergerak dengan tersusun berlandaskan penyediaan Blue Print Living Campus 5.0 yang berkaitan dengan pelan pembangunan kampus bestari UUM 2030 yang harmoni merentasi bidang kepakaran dan ilmu, fungsi kepelbagaian jabatan dan lapisan warga UUM dengan memberi penekanan kepada gabung jalin tiga konsep utama iaitu kampus hijau, kampus pintar dan Maqasid Syariah," katanya yang mewakili Naib Canselor.

Tambahnya, beliau berharap semua pihak dapat meyokong mewujudkan serta melestarikan satu ekosistem pembangunan kampus yang efektif bagi menzahirkan masyarakat UUM 'Live Green' melalui pembudayaan ilmu dan amal sejati secara berkesan.

Pada majlis tersebut, Dato' Ahmad dan Dr. Hendrik telah membuat pelepasan Kayuhan Hijau di hadapan foyer.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.